



**MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI (kiri)** menyampaikan replika cek bernilai RM10,000 kepada Zuraidah Atan untuk Tabung Bantuan Banjir Kementerian Pendidikan sambil disaksikan Idris Jusoh di Kementerian Pendidikan, Putrajaya, baru-baru ini.

## USIM salur RM10,000 isi tabung banjir

**SEREMBAN 14 Jan.** - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyerahkan sumbangan sebanyak RM10,000 kepada Kementerian Pendidikan sebagai usaha meringankan beban mangsa terlibat dalam musibah banjir yang berlaku di beberapa negeri.

Sumbangan USIM itu disampaikan oleh Pendaftar bagi pihak Naib Canselor, Muhammad Haizuan Rozali kepada Menteri Pendidikan II, Dato Seri Idris Jusoh di kementerian itu baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengerusi Yayasan Sukarelawan Siswa, Datuk Zuraidah Atan

Menurut Muhammad Haizuan, sumbangan yang diberikan oleh USIM kepada tabung itu sebagai tanda sokongan kepada inisiatif murni yang dibuat oleh pihak kementerian.

“Di pihak universiti pula, nilai

sumbangan yang telah diberikan lebih besar sebenarnya melibatkan kos logistik, pembelian barangan pembersihan, keperluan harian dan lain-lain untuk misi bantuan yang dijalankan iaitu mencecah RM100,000.

“Semenjak musibah banjir besar melanda, USIM telah menggerakkan kempen USIMPRIHATIN bagi mengumpul sumbangan dalam bentuk kewangan dan barangan daripada warganya dan masyarakat sekitar Nilai.

“Selain bantuan dalam bentuk kewangan, USIM turut menggerakkan tenaga sukarelawan dalam kalangan kakitangan dan pelajar,” katanya di USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Tambahnya, USIM juga turut sama terlibat dalam menjayakan Ops Pasca Banjir yang digerakkan oleh kementerian itu sejak 1 Janu-

ari lalu melibatkan sasaran 50,000 sukarelawan pelajar dan staf institusi pengajian tinggi seluruh negara.

“Setakat ini, dua kumpulan sukarelawan seramai 120 orang telah dihantar ke Gua Musang, Kelantan baru-baru ini, selain di Temerloh serta Jerantut, Pahang.”

“Kumpulan sukarelawan pelajar seramai 240 orang yang terdiri daripada gabungan pelbagai badan beruniform di USIM akan mula bergerak dalam tiga kumpulan yang memfokuskan gerak kerja pembersihan dan agihan bantuan ke daerah Gua Musang,” ujarnya.

Pada majlis di kementerian itu baru-baru ini, sebanyak RM1.5 juta berjaya dikumpulkan hasil sumbangan pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta.